

12 MAR 2000

UMNO SUBANG CALONKAN DUA PEMIMPIN SELANGOR SEBAGAI NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Subang hari ini membuat keputusan mencalonkan dua pemimpin Selangor bagi merebut jawatan naib presiden parti pada pemilihan Mei ini.

Mereka ialah penyandang Tan Sri Muhammad Muhamad Taib dan Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar. Turut dicalonkan bagi jawatan itu oleh persidangan perwakilan bahagian berkenaan ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bahagian itu juga mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden.

Dua puluh lima orang yang dipilih oleh para perwakilan untuk kerusi Majlis Tertinggi ialah Datuk Mazlan Harun, Datuk Zainal Dahalan, Datuk Shafie Salleh, Raja Ropiah Raja Abdullah, Datuk Tengku Mahmud Tengku Mansor, Senator Rosli Mat Hassan, Datuk Dr Yusof Nor, Tan Sri Shahidan Kassim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Tajol Rosli Ghazali, Datuk Nazri Aziz, Datuk Megat Junid Megat Ayob, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Shahrir Samad, Datuk Shafie Apdal, Datuk Lajim Ukin, Datuk Mahadzir Mohamed Khir, Datuk Sulaiman Mohamed, Datuk Seri Sharif Omar, Datuk Mohamed Ali Rustam, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Mohamed Azim Zabidi.

-- BERNAMA

AR RON